



جَبَاتِن كَهَاكِيمِن شَرِيحَتِن قَهْمَانِ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Kompleks Syariah Al Sultan Abdullah
Bandar Indera Mahkota
25200 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-531 8666
Faks : 09-5318747 / 8737
Web : <http://pahang.jksm.gov.my>
E-mail : jksp@esyariah.gov.my

Ruj. Tuan : JKSP 600-1/3/1 (81)
Takwim : 16 Jamadil Awal 1445H
Tarikh : 30hb November 2023

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 1 TAHUN 2023

Pindaan Tempoh Dan Bukti Pemastautinan

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil 2/2023 pada 25hb hingga 26hb Oktober 2023 bersamaan 10 Rabiul Akhir 1445H hingga 11 Rabiul Akhir 1445H di eRYA by SURIA Hot Spring Bentong telah bersetuju untuk meminda tempoh dan bukti pemastautinan sebagaimana yang berikut:

1. Penentuan tempoh masa bermastautin seseorang adalah sekurang-kurangnya 3 bulan;
2. Tempoh sahlaku pengesahan pemastautinan adalah dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pengesahan diberi;
3. Permohonan hendaklah mengguna pakai Borang 1 Akuan Pemastautinan Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang Dan Fi) (Pahang) 2019 seperti lampiran; dan
4. Permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen berkaitan antaranya -
 - i. bil utiliti semasa; atau
 - ii. perjanjian sewaan kediaman.

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 28 Tahun 2020. Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 3 Tahun 2021 adalah dibatalkan.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 30hb November 2023.

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN, DIMP., DSPN., SAP., PJK.)
Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang
KUANTAN
2023

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. ARS404